

27 DISEMBER 2017

Lelaki edar dadah dihukum gantung

Kota Bharu

Lelaki edar dadah dihukum gantung

Seorang pembantu kedai makan dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi di sini, semalam terhadap tuduhan mengedar dadah jenis methamphetamine seberat 109.1 gram, tahun lalu.

Pesuruhjaya Kehakiman Kelantan Datuk Ahmad Bache menjatuhkan hukuman itu terhadap Tengku Faris Engku Bongsu, 22.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh didakwa mengedar dadah berbahaya itu di depan kedai motor di Jalan Panji di sini, jam 1 pagi, 29 Jun 2016.

Dia didakwa mengikut Seksyen 39B(1)(a), Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 39(2) akta sama yang jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman mati mandatori.

Ahmad dalam penghakimannya berkata, mahkamah mendapati keterangan tertuduh yang juga satu-satunya saksi pembelaan tidak kukuh.

"Tertuduh berada di lokasi kejadian berseorangan dan keterangan mengatakan terima bungkusan daripada seorang lelaki dan perlu diserahkan kepada seorang lelaki lain di tempat kejadian tidak kukuh dan tidak boleh diterima pakai.

"Tertuduh gagal menyangkal pertuduhan dan disabitkan dengan kesalahan," katanya.

FOTO: NIK ABDULLAH NIK OMAR

TENGGU Faris dibawa keluar dari mahkamah, semalam.

